

01 JUN 1996

Mikrolight (Dengan gambar)

KELAB PENERBANGAN PERTAMA LANGKAWI DILANCARKAN

LANGKAWI, 1 Jun (Bernama) -- Usaha negara dalam memupuk minat menguasai ilmu penerbangan di kalangan rakyatnya kini ternyata semakin mendapat sambutan dengan pelancaran sebuah lagi kelab penerbangan.

Kelab terbaru itu ialah Kelab Rekreasi Udara Langkawi (KRUL), yang pertama di sini, yang akan dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Ditubuhkan kira-kira setahun lepas, KRUL kini dianggotai kira-kira 40 orang kebanyakannya golongan profesional yang bekerja di pulau percutian bebas cukai ini.

Meskipun baru berusia setahun, menerusi minat yang mendalam disulami dengan usaha gigih, kelab itu sudahpun memiliki empat buah pesawat ringan (mikrolight) yang kesemuanya bernilai kira-kira RM235,000.

Timbalan presiden KRUL Mansor Ismail berkata tiga buah pesawat itu jenis GT500 dan MXL Sport II yang boleh memuatkan dua orang dan MX Sport untuk seorang.

Sebuah lagi katanya ialah pesawat pasang siap "kit" jenis Merlin yang dihadiahkan LeProton Sdn Bhd, penganjur Pameran Antarabangsa Udara dan Maritim Langkawi (Lima). Ia diterima Khamis lepas.

Mansor berkata pesawat GT500 bernilai RM70,000 manakala MXL Sport II dan MX Sport masing-masing berharga RM40,000 dan RM25,000.

Pesawat "kit" Merlin yang boleh membawa dua orang pula berharga kira-kira RM100,000.

Jenis GT500 yang bentuknya lebih menyerupai sebuah kapal terbang dikuasai enjin 56 kuasa kuda dan mempunyai kelajuan maksimum 60 knot dengan had ketinggian kira-kira 2,600 meter.

MXL Sport II dan MX Sport pula adalah daripada jenis "terbuka" yang membolehkan juruterbangnya merasai rempuhan angin meskipun tidak selaju GT500.

Mansor berkata KRUL sudah menempah peralatan tambahan dari Vancouver, Kanada untuk dipasang pada pesawat itu bagi membolehkannya mendarat atas air.

Pesawat GT500, MXL II dan MX Sport dibeli dari Amerika Syarikat manakala pesawat "kit" Merlin juga buatan negara berkenaan.

Mengenai latihan dan kelas teori, Mansor berkata ia dikendalikan jurulatih berpengalaman yang diketuai Kapt Zainol Taib.

"Penerbangan latihan dijalankan di ruang udara Lapangan Terbang Langkawi sementara teori di bilik kuliah Jabatan Penerbangan Awam (DCA)," katanya.

Beliau berkata KRUL menerima kerjasama penuh daripada DCA dan Malaysia Airport Berhad untuk mengadakan latihan praktikal itu.

Mansor berkata penerbangan lazimnya diadakan pada awal pagi dan lewat petang kerana faktor cuaca dan keadaan trafik udara di lapangan terbang itu.

Katanya ini kerana biasanya angin tidak bertiup begitu kuat pada waktu-waktu ini di samping keadaan trafik udara yang agak lengang.

Kelab itu mengadakan latihan penerbangan sebanyak tiga kali seminggu tetapi ia bergantung kepada keadaan cuaca.

Untuk mendapatkan lesen menerbangkan pesawat mikrolight, pelatihnya perlu mengumpul 25 jam penerbangan termasuk 10 jam penerbangan berseorangan dan 15 jam sama ada diiringi atau berseorangan.

Yuran keanggotaan ialah RM400 dan yuran penerbangan antara RM70 dan RM100 sejam.20 -- BERNAMA

ZAA AHH